



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

23 Dis 2020 (Rabu)

Berita Harian

Penyertaan dalam RCEP bantu proses pulih ekonomi 1

Utusan Malaysia

Sultan Selangor berkenan terima zakat perniagaan RM9.8j 2

Bekas ahli MDSB dipenjara setahun 3

'Dulu Bersatu-UMNO baik-baik saja' 4

Tiada bayaran di pusat transit warga emas 5

RCEP: KDNK meningkat RM16 bilion setahun 6

Kosmo

Proses gaharu haram 7

Sultan Selangor terima zakat perniagaan RM9.8juta 8

MBSA bina pusat transit warga emas 9

Sinar Harian

MBPJ hargai peranan komuniti bangunkan Petaling Jaya 10

Selangor tolak permohonan KPKT 11

Sultan selangor terima zakat perniagaan RM9.8 juta 12

RTM1

Operasi Penginapan Pekerja Asing Seperti Hamba, Tempatkan 759 Pekerja Di Dua Kontena Usang 13

Selangor TV

Gerak komuniti Batu Tiga ke arah kehidupan sejahtera 14

The Sun

RCEP membership augurs well for economic recovery 15

China Press

Diseased again but not hospitalised after 6 days; Family worried about being infected 16

"Don't talk too much" Teng Chang Khim advises DAP on analysing losses 17

Barged in to remove veranda; Female house owner rebuked city council law enforcers 18

Sin Chew Daily

Abandoned cars never finished being towed and cleared 19

Dun delivers 300 gifts and glutinous rice balls, Banting celebrates the winter solstice and Christmas 20

Ignore the warning and expand, illegal building of foreign workers was demolished 21

Free screening activities in three places in Klang, only one screening will be held today 22

Six days after diagnosis with Covid-19, he hasn't been taken away for treatment, fisherman appealed to the city councilman for help 23

PH ADUN candidates passed, pending verification by UPEN, can be sworn in in January 24

Chua Wei Kiat: Reallocate MOE Budget, PN should take care of multi-racial schools 25

Makkal Osai



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



School bus drivers suffering due to Covid-19 pandemic: Govt urged to help	26
Malaysia Nanban	
Will Selangor government helps railway residents?	27
Tamil Malar	
Donation to churches	28



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 23 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Penyertaan dalam RCEP bantu proses pulih ekonomi
Muka Surat	:	14



Proses pemulihan ekonomi Malaysia pasca COVID-19 dijangka mampu disegerakan menerusi perjanjian RCEP. (Foto hiasan)

Penyertaan dalam RCEP bantu proses pulih ekonomi

Penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan membantu proses pemulihan ekonomi negara daripada impak COVID-19 terutama dalam mempertingkatkan akses barangan atau produk tempatan ke pasaran negara peserta RCEP.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pihak industri tempatan boleh menikmati layanan istimewa melalui penghapusan dan pengurangan tarif secara progresif.

"Selain tarif, pengurangan halangan bukan tarif yang menjadi cabaran utama dalam menembusi pasaran antarabangsa juga adalah manfaat utama penyertaan Malaysia dalam RCEP.

"Ini boleh dicapai menerusi penyelarasan tatacara import dan eksport, pengiktirafan secara timbal balas dan penerimaan standard industri serta teknikal negara masing-masing dan perkongsian maklumat," katanya menjawab soalan Senator Datuk Mohan Thangarasu.

Moham ingin tahu mengenai sejauh mana penyertaan Malaysia dalam RCEP dijangka membantu proses pemulihan ekonomi daripada impak COVID-19.

Mohamed Azmin berkata, menerusi unjuran awal Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF) selaku agensi di bawah kementerian itu, Malaysia akan memperoleh peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) RM16 bilion setahun selepas RCEP berkuat kuasa.

Katanya, Perbadanan Pemba-



Mohamed Azmin Ali

ngunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang bertanggungjawab terhadap promosi dan pembangunan perdagangan Malaysia pula membuat unjuran prestasi eksport Malaysia ke pasaran RCEP akan meningkat RM21 bilion setahun.

Katanya, syarikat tempatan dapat perkukuhkan integrasi dalam rantaian nilai dan bekalan global dengan pembekalan bahan mentah, komponen, barangan separa siap serta siap di pasaran RCEP.

"Penyedia perkhidmatan termasuk e-dagang juga akan dapat menikmati akses pasaran yang lebih besar dari segi penawaran rentas sempadan dan mewujudkan keberadaan komersial di pasaran RCEP," katanya.

Mohamed Azmin berkata, perjanjian RCEP dijangka dapat menyegerakan proses pemulihan ekonomi serantau dan Malaysia pasca COVID-19 menerusi pembukaan pasaran, penambahan pelaburan, peningkatan fasilitasi perdagangan serta integrasi industri khususnya perusahaan kecil dan sederhana dalam rantaian nilai serantau. **BERNAMA**



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 23 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor berkenan terima zakat perniagaan RM9.8j
Muka Surat	:	5



Sultan Selangor berkenan terima zakat perniagaan RM9.8j

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan berjumlah RM9.8 juta daripada lima buah syarikat korporat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Istana Bukit Kayangan di sini, semalam.

LZS dalam kenyataannya berkata, syarikat-syarikat yang terlibat adalah Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia), SIRIM Berhad (SIRIM), Jakel Trading Sdn. Bhd. (Jakel), QSR Brands (M) Holdings Berhad (QSR Brands) dan Persatuan

Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

Yang turut hadir, Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail.

■ **SULTAN** Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat perniagaan daripada Pemilik Gedung/Ketua Pegawai Eksekutif Jakel, Datuk Mohamed Faroz Mohamed Jakel (dua kanan) di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, Selangor, semalam. - IHSAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 23 December 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bekas ahli MDSB dipenjarakan setahun
Muka Surat	:	13

Bekas ahli MDSB dipenjarakan setahun

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
 rohaizah.zainal@mediamula.com.my

SHAH ALAM: "Awak sepatutnya mengisytiharkan semuanya dalam mesyuarat itu kerana ada kepentingan, tidak perlu takut, bukannya mendiamkan diri. Sekiranya buat pengisytiharan, tindakan ini menunjukkan ketulusan dan bukannya mengikut pintu belakang, ini jenayah besar."

Itulah antara butiran penghakiman Hakim Rozilah Salleh di Mahkamah Sesyen di sini selepas mendapati bekas Ahli Majlis di Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Mohamad Fauzi Ahmad, 50, bersalah atas tujuh daripada 12 pertuduhan yang dihadapkannya pada 27 Februari tahun lalu.

Mohamad Fauzi yang juga merupakan bekas Ketua Cabang PKR Sungai Besar itu dijatuhkan hukuman penjara setahun dan denda RM110,000 atas kesalahan salah guna kuasa dan memberikan suapan antara Mei hingga September 2016.

Hakim Rozilah menetapkan hukuman dijalankan serentak dan turut memerintahkan bapa kepada empat anak itu dipenjarakan 18 bulan jika gagal membayar



MOHAMAD Fauzi Ahmad (kiri) hadir bagi mendengar keputusan 12 pertuduhan yang dihadapkannya di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor hari ini.

denda.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Fauzi didakwa menggunakan jawatan sebagai ahli majlis untuk mendapatkan suapan apabila mengambil bahagian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan MDSB yang memutuskan memilih syarikat milik anaknya iaitu Ligat Bina Enterprise untuk dilantik sebagai penganjur Ekspo Raya 2016.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di pejabat MDSB pada 13 Mei 2016 dan didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum dibawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Bagi enam lagi pertuduhan, tertuduh didakwa memberikan suapan RM16,000 kepada tiga individu sebagai dorongan kesemua mereka mengundi syarikat tersebut sebagai penganjur ekspo tersebut.

Tertuduh didakwa melakukan kesemua perbuatan itu di empat lokasi antaranya di MDSB, Pejabat PKR Cabang Sungai Besar dan sebuah bank antara Mei hingga September 2016.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum dibawah Seksyen 24(1) akta yang sama. Dalam prosiding sama, mah-

kamah mendapati tertuduh tidak bersalah dan dibebaskan atas lima pertuduhan rasuah lain bagi tujuan yang sama.

Peguam mewakili tertuduh, Noor Stevlana Mohd. Noor Noordin memohon jaminan dikurangkan berikutan anak guamnya mempunyai dua isteri dan dua daripada empat anaknya masih kecil.

"Walaupun didakwa atas pelbagai kesalahan, anak guam saya menunjukkan kewibawaan dalam membantu masyarakat dan menjaga kebajikan penduduk setempat," ujarnya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Fadli Ab. Wahab memaklumkan bahawa kesalahan dilakukan tertuduh serius kerana tindakan melobi untuk undi syarikat telah menghalang peluang syarikat lain yang boleh melakukan kerja lebih baik.

Hakim Rozilah kemudiannya membenarkan permohonan tertuduh ditangguhkan seperti dipohon pihak pembelaan, namun menetapkan ikan jamin RM30,000 dengan seorang penjamin. Tertuduh juga diminta memfailkan notis rayuan sebelum 24 Disember ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
23 December 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	'Dulu Bersatu-UMNO baik-baik saja'
Muka Surat	:	14



'Dulu Bersatu-UMNO baik-baik saja'

MUKADIMAH

UMUM sedia maklum, Perikatan Nasional (PN) dan Muafakat Nasional (MN) sehingga kini belum lagi memulakan perapatian dalam politik.

Malah, persepakatan itu turut menjangkiti Selangor apabila UMNO negeri menyatakan sudah bersedia sedia bekerjasama bertembung dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) nanti.

Pengerusi Perhubungan UMNO negeri, Tan Sri Noh Omar merakamkan, parti itu tidak akan merentang-Pas berikutan telah ada perbincangan strategi antara kedua-dua pihak. Pada masa sama, beliau meminta BERSATU mengormati tradisi UMNO dengan tidak melibatkan calon di situ.

Jika dilihat kedudukan BERSATU Selangor kini mempunyai enam kerusi labai di Selat Klang (Datuk Abdul Rashid Asari), Dengkil (Azhaf Syah Abdullah) dan empat lagi bekas ahli PKR iaitu Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Guaian Antarabangsa), Muhammad Hanihan Ibrahim (Gombak Setia), Haniza Mohamed Talha (Lembah Jaya) dan Dr. Daroyah Ali (Semerang).

Kepada wartawan Utusan Malaysia, **SITI ROHANIZAM ZAMAL** dan juranggotih, **ZULFAHMILZANI**, Pengerusi BERSATU Selangor, **DATUK ABDUL RASHID ASARI** berkongsi pandangannya berhubung ketjasama antara ketiga-tiga parti dan keadaan terkini BERSATU Selangor.

Ikuti temu bual tersebut di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

HUBUNGAN DENGAN UMNO

UTUSAN

Bagaimana hubungan antara BERSATU, UMNO dan PAS?

ABDUL RASHID Hubungan dalam antara BERSATU dan Pas baik-baik sahaja dan kami boleh duduk berhubung tentang hala tuju kedua-dua parti. Namun, dengan UMNO tidak begitu baik seperti sedia sedia maklum terikat-but pemimpin pemimpin Pas mereka. Sebetulnya, hubungan BERSATU dan UMNO adalah baik, tetapi sejak pimpinan tertinggi mereka mengambil tindakan drastik untuk keluar daripada PN, sebegini berbeza dan bermula hubungan tidak baik.

Bagaimanapun, buat masa ini, kita sedang memperkuatkan hubungan dengan Pas. Malah, baru-baru ini juga ada perbincangan dengan mereka termasuk isu-isu melibatkan PRU-15 dan pembahagian kerusi antara kedua-dua parti.

Adakah BERSATU tetap setia dengan UMNO?

Sebetulnya, kita juga tidak mahu pertembungan



ABDUL Rashid Asari (kanan) menyampaikan bantuan dalam program sirih penduduk di kawasanya di Selat Klang, baru-baru ini.

Orang UMNO perlu fikir semula sama ada mereka hendak menjaga atau menjaga orang Melayu secara keseluruhannya.

keseluruhannya. Kita perlu menilai kesan yang tidak akan merugikan dan mengulangi orang Melayu. Sekiranya mereka hanya mementingkan diri sendiri, nyalah.

Pada pendengar saya, jika mereka bergabung dengan PH dan membentuk DAPK seri Awar Ibrahim menjadi Perdana Menteri, mereka akan menjadi bahan kerana satu dunia kerana melihat bekas banduan menentang jawatan tertinggi dalam negara.

Harus diingat, perkara ini tidak mudah kerana kita tidak tahu apa pemimpin mereka selepas ini yang boleh memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak.

Adakah UMNO sahaja yang perlu berhubung dengan BERSATU?

Sekiranya PN dibubarkan di negeri ini, kita pasti akan membincangkan pembahagian kerusi secara adil dan merata. Malah, tidak ada yang lebih dan kurang. Pembahagian yang bakal dibincangkan akan dibahagikan secara rasmi.

Bagaimanapun, sekiranya sebarang kawasan yang mereka tandangi itu dirakam tidak boleh menang, berilah kepada BERSATU. Ini kerana pada pilihan raya lalu, UMNO kalah teruk di Selangor, takkan kita hendak berikutan kepada mereka?

Kita tidak kisah mengorbankan tempat yang mereka tandangi tetapi jika kalah teruk, tidak boleh beri mereka bertanding begitu sahaja. Ini kerana untuk meletakkan calon, kita membuat analisis dan kajian dengan melihat potensi sebarang kawasan termasuk mengambil kira unit atap pagar serta kemungkinan Dergisanti muda yang baharu menyertai parti. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya meletakkan calon di mana-mana kawasan.

“Peluang untuk merampas semula Selangor cerah terutama kawasan Melayu. Antaranya di Hulu Langat, Sabak Bernam dan Sepang.”

Adakah akan ada perbincangan antara BERSATU dan UMNO?

Buat masa ini, kita tengah cuba sebarang perbincangan dengan UMNO, tetapi tidak epotok akan ada perjumpaan dengan mereka. Semuanya bergantung pada keadaan semasa dan jika situasi mengizinkan dan kembali aman seperti biasa, satu perbincangan akan diadakan.

Cabaran dalam merampas semula Selangor?

Peluang untuk merampas

semula Selangor cerah terutama kawasan yang majoritinya Melayu. Antaranya di Hulu Langat, Sabak Bernam dan Sepang. Namun, sekiranya kita bergabung dalam PN, saya berpaling untuk menang di kawasan lain kecuali akan berlaku sebaliknya jika UMNO tidak mahu bersama BERSATU.

Sekiranya tidak bersedia, itu akan memberi kesan dan peluang untuk kawasan semula Selangor tidak kesampaian. Ini kerana kita tidak mahu terlibat pemamahan kerusi lagi dalam PH dan perpecahan ini hanya akan merugikan kerana mereka akan mengorbankan peluang untuk menambah kerusi sedia ada.

AHLI BERSATU SELANGOR

Bagaimana situasi BERSATU di Selangor?

Buat masa ini, BERSATU Selangor semakin kukuh walaupun tiga ketua bahagian iaitu Kuala Selangor, Rangit dan Klang melantikan jawatan. Untuk Kuala Selangor dan Rangit, timbalan ketua bahagian telah dilantik sebagai pemimpin bagi

mengambil alih tugas ketua bahagian. Semuanya di Klang pula diambil alih oleh Naib Ketua Bahagian dan termasuk dalam perantaraan parti.

Sekiranya ada mana-mana pihak yang ingin keluar parti, itu adalah hak masing-masing dan tidak semasa ahli yang menyertai mereka dengan bertembung.

Namun, untuk mengantikan ketiga-tiga bahagian di kawasan ini dibubarkan kerana Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (BER) sudah mempunyai hak untuk membubarkannya.

Berapa ramai ahli BERSATU Selangor?

BERSATU Selangor kini mempunyai lebih 65,000 ahli dan kita mengjangkakan keahliannya akan terus bertambah. Terbaharu, 1,800 ahli Parti Amanah Negara (AMANAH) secara rasmi telah menyertai BERSATU termasuk dua ahli jawatankuasanya dari Klang dan Kota Raju iaitu Rashid Ahmad dan Jaafar Samadiah.

Mereka telah menghantar borang keahlian bilian kepada dan menyatakan kesetiaan BERSATU kerana melihat kepastian dan

cara pemerintahan Perdana Menteri (Mahyiddin) menarik minat mereka.

Bagaimana pula dengan perubahan sayap BERSATU di Selangor?

Sayap BERSATU dibubarkan oleh bekas Naib Ketua Bahagian yang mana mereka mempunyai presiden BERSATU, 500 daripadanya adalah bekas bilian.

Mereka daripada sayap ini juga akan membuat pemilihan untuk memilih siapa ketua yang akan memimpin dan kemungkinan besar, presidennya akan diorang dalam BERSATU Pasai sebagai naib presiden atau ahli majlis tertinggi.

Buat masa ini, kita menjangkakan bilangan daripada PAS dan bekas sebagai dibubarkan, sayap BERSATU ini akan digantikan. Ahli kita juga akan daripada bukan bilian dan mereka menyertai BERSATU kerana mengantikan bekas pencari parti lain yang lebih baik. Kita mengjangkakan Selangor akan menjadi pemilih kerana merokodkan ahli piling rasmi bukan bilian berpaling rasmi lagi.



ABDUL Rashid Asari (depan, dua dari kanan) menerima borang keahlian parti daripada wakil BERSATU Bahagian Kapar.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 23 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tiada bayaran di pusat transit warga emas
Muka Surat	:	32

Tiada bayaran di pusat transit warga emas

SHAH ALAM: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tidak mengenakan bayaran untuk menggunakan pusat transit khas warga emas yang akan dibina di Seksyen 24 di sini pada awal tahun depan.

Pusat transit yang mampu menempatkan sehingga 100 warga emas itu akan berfungsi sebagai pusat riadah, aktiviti keagamaan dan sosial selain tempat berehat untuk golongan

tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Selangor, Rodziah Ismail berkata, ia terbuka kepada semua kaum dan akan dikawal selia sepenuhnya oleh MBSA.

"Mereka berpeluang menyertai pelbagai program produktif dan sihat yang dianjurkan. Semua PBT di Selangor disarankan supaya turut mencontohi

langkah murni ini bagi menjaga kebajikan warga emas," katanya ketika ditemui selepas majlis pecah tanah pusat transit itu, semalam.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim dan Yang Dipertua Kelab Warga Emas Shah Alam, Datuk Emran Kadir.

MBSA menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negara ini yang membina pusat

transit khas bagi golongan warga emas.

Kompleks yang menempatkan 12 unit rumah itu akan dibangunkan di Kelab Warga Emas Seksyen 24, Seksyen 24 di sini, dijangka siap pada 2022.

Tambah Rodziah, pembinaan pusat transit itu juga sebahagian usaha berterusan MBSA untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan berkonsepkan komuniti kepada warga Shah Alam dan

mesra warga emas.

Sementara itu, Haris berkata, semua kos pembinaan dan fasiliti pusat tersebut ditanggung sepenuhnya oleh MBSA.

"Projek pembinaan ini akan melibatkan dua fasa yang mengambil masa selama 18 bulan.

"Selain itu, kita akan mewujudkan Unit Khas Warga Emas bagi memantau dan menyelia kompleks berkenaan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
23 December 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	RCEP: KDNK meningkat RM16 bilion setahun
Muka Surat	:	34

RCEP: KDNK meningkat RM16 bilion setahun

KUALA LUMPUR: Malaysia bakal memperoleh peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM16 bilion setahun, impak daripada termeterainya Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Memaklumkan perkara itu di Dewan Negara, Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, unjuran prestasi eksport ke pasaran RCEP pula dijangka meningkat sebanyak RM21 bilion setahun berdasarkan dapatan yang dibuat oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

"Berdasarkan laporan oleh *Peterson Institute for International Economics* yang dikeluarkan pada bulan Jun 2020, RCEP dijangka menyumbang secara



positif kepada ekonomi Malaysia.

"Unjuran awal oleh Malaysian Industrial Development Finance

Berhad (MIDF), sebuah agensi di bawah kementerian, menunjukkan bahawa negara akan memperoleh peningkatan KDNK

sebanyak RM16 bilion setahun setelah RCEP berkuatkuasa.

"Matrade yang bertanggungjawab ke atas promosi dan pembangunan perdagangan Malaysia, membuat unjuran prestasi eksport Malaysia ke pasaran RCEP akan meningkat sebanyak RM21 bilion setahun," katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Negara semalam.

Mohamed Azmin berkata demikian menjawab soalan Senator Datuk T. Mohan berkenaan keberkesanan RCEP membantu dalam proses pemulihan Malaysia dari impak Covid-19.

RCEP yang ditandatangani 15 negara pada November lalu disifatkan sebagai kepercayaan terhadap keterbukaan pasaran sekali gus membawa kepada pertumbuhan ekonomi lebih meluas.

Dalam pada itu, Mohamed

Azmin menambah, RCEP merupakan perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang terbesar pernah ditandatangani Malaysia, merangkumi 2.2 bilion atau hampir sepertiga penduduk dunia.

Katanya, ia menyumbang sebanyak AS\$24.8 trilion atau hampir sepertiga KDNK dunia berdasarkan data Bank Dunia pada tahun 2018.

"Syarikat-syarikat tempatan dapat memperkukuhkan integrasi dalam rantaian nilai dan bekalan global dengan pembekalan bahan mentah, komponen, barangan separa siap dan siap di pasaran RCEP.

"Integrasi ini diperkukuhkan lagi melalui *rules of origin* yang lebih mudah digunakan berikutan keseragaman di antara kesemua negara peserta RCEP" jelasnya.



KERATAN AKHBAR
23 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Proses gaharu haram
Muka Surat	:	7



RAZALI menunjukkan sebahagian kayu gaharu yang dirampas daripada lima individu pada sidang akhbar di Serdang semalam.

Lima diberkas bersama hasil hutan lebih RM2 juta

Proses gaharu haram

Oleh **ZULKIFLI MANZOR**

SERDANG – Taktik licik lima individu berselindung di sebalik perniagaan cuka getah untuk memproses kayu gaharu secara haram sejak dua tahun lalu terbongkar apabila diberkas dalam operasi di tiga premis di Taman Puncak Jalil dekat sini semalam.

Serbuan pada pukul 8.30 pagi itu berjaya menahan suspek berusia 30 hingga 50 tahun termasuk pemilik premis dan sepasang suami isteri warga asing yang dipercayai pekerja di premis tersebut.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Razali Abu Samah berkata, polis turut memampas 10 batang pokok gaharu,

guni habuk kayu gaharu (16), cecair gaharu (37 tong) dan 10 kilogram kulit gaharu yang kesemuanya bernilai lebih RM2 juta.

Katanya, siasatan mendapati kayu gaharu itu diproses untuk menjadi minyak wangi, arca atau colok untuk dijual ke luar negara.

“Mereka telah beroperasi sejak 2018 dan berselindung di sebalik pendaftaran perniagaan memproses cuka getah.

“Kegiatan mereka terbongkar selepas polis menerima empat laporan berhubung aktiviti mencuri kayu gaharu dalam daerah ini pada hujung Oktober lalu,” katanya ketika ditemui di lokasi serbuan di sini semalam.

Tambahnya, berdasarkan laporan itu, polis bersama pega-

wai Jabatan Perhutanan Negeri Selangor melakukan pemeriksaan di Hutan Simpan Air Hitam dan menemui beberapa batang pokok gaharu yang ditebang.

Menurut Razali, risikan kemudian menemui tiga premis memproses kayu gaharu tersebut sebelum serbuan dilakukan.

“Pemilik premis gagal membuktikan dia mendapat kebenaran memindahkan hasil hutan dan mendakwa membeli kayu gaharu daripada penjual di Pahang,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 84 (1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang memperuntukkan denda RM200,000 atau penjara 10 tahun atau keduanya jika sabit kesalahan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 23 December 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor terima zakat perniagaan RM9.8juta
Muka Surat	:	16

Sultan Selangor terima zakat perniagaan RM9.8juta

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan berjumlah RM9.8 juta daripada lima buah syarikat korporat kepada pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Istana Bukit Kayangan di sini, semalam.

LZS dalam satu kenyataan memaklumkan, majlis penyerahan zakat itu didahului Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ahmad Hashimi Abdul Manap dengan jumlah zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2020 sebanyak RM3.5 juta.

Menurutnya, ia disusuli SIRIM Berhad (SIRIM) yang diwakili pengerusinya, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali yang menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM2.28 juta.

"Jakel Trading Sdn. Bhd. (Jakel) diwakili Pengarah Urusan, Datuk Mohamed Faroz Mohamed Jakel menunaikan zakat berjumlah RM1.25 juta, diikuti QSR Brands (M) Holdings Berhad (QSR Brands) diwakili Ketua Pegawai Kewangan, Razak Nor-din menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM1.7 juta.

"Sementara Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) yang diwakili pengerusinya, Abdul Hamid Bahari menunaikan zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2019 berjumlah RM1.11 juta," katanya.

Turut hadir pada majlis berkenaan Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail.

LZS menegaskan kesemua bayaran zakat perniagaan adalah bagi tahun kewangan 2019 dan 2020.



SULTAN SHARAFUDDIN (kanan) berkenan menerima zakat perniagaan daripada Mohamed Faroz (dua dari kanan) di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
23 December 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MBSA bina pusat transit warga emas
Muka Surat	:	17

Kompleks menelan belanja RM4 juta dijangka siap pada 2022

MBSA bina pusat transit warga emas

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negara ini yang membina pusat transit khas bagi golongan warga emas.

Kompleks yang menempatkan 12 unit rumah itu akan dibangunkan di Kelab Warga Emas Seksyen 24 di sini, bermula awal tahun depan dan dijangka siap pada 2022.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Selangor, Rodziah Ismail berkata, pembinaan pusat transit dengan kos berjumlah RM4 juta itu antara usaha menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya mesra warga emas.

Katanya, rumah transit itu berfungsi sebagai pusat riadah, aktiviti keagamaan dan sosial selain tempat berehat untuk golongan tersebut.

"Pusat itu kelak boleh menempatkan sehingga 100 warga emas dan terbuka kepada semua kaum tanpa sebarang bayaran.

"Selain itu, mereka berpeluang menyertai pelbagai program produktif dan sihat yang diselia sepenuhnya oleh MBSA," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah pusat transit itu, semalam.

Turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim dan Yang Dipertua Kelab Warga Emas Shah Alam, Datuk Emran Kadir.

Tambah Rodziah, pembinaan pusat transit itu juga sebahagian usaha berterusan MBSA untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan berkonsepkan komuniti kepada warga Shah Alam.

Justeru, beliau menyeru semua PBT di negeri ini supaya mencontohi langkah murni seumpama itu bagi menjaga kebajikan warga emas.

Sementara itu, Haris berkata, semua kos pembinaan dan fasiliti pusat tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh MBSA memabitkan dua fasa memakan masa selama 18 bulan.

"Selain itu, kita akan mewujudkan Unit Khas Warga Emas bagi memantau dan menyelia kompleks berkenaan," jelasnya.



RODZIAH (tiga dari kanan) dan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim (tiga dari kiri) pada majlis pecah tanah pusat transit warga emas di Seksyen 24, Shah Alam, semalam.



KERATAN AKHBAR		
23 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MBPJ hargai peranan komuniti bangunkan Petaling Jaya
Muka Surat	:	23

MBPJ hargai peranan komuniti bangunkan Petaling Jaya

PETALING JAYA - Sebanyak 19 komuniti terdiri daripada persatuan penduduk dan Rukun Tetangga diumumkan sebagai penerima Anugerah Komuniti Mampan Petaling Jaya 2020.

Persatuan Penduduk Pemilik dan Penduduk Damansara Idaman (Diora) telah dinobatkan sebagai pemenang dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM35,000.

Tempat kedua pula diraih Persatuan Penduduk Bandar Sri Damansara, manakala tempat ketiga dimenangi Persatuan Penduduk Bayu Damansara yang menyaksikan masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM30,000 dan RM25,000.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohd Sayuthi Bakar berkata, sepanjang penganjuran program itu selama hampir 20 tahun, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berjaya melahirkan 63 juara dalam kalangan komuniti persatuan penduduk, Rukun Tetangga dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) meliputi sebanyak 4,270 bilangan projek.

"Pencapaian ini telah memberi sumbangan kepada kejayaan Petaling Jaya mencapai status 'Bandar Paling Lestari

di Malaysia' berdasarkan indeks pelaksanaan Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet).

"Pencapaian ini juga menjadi pengakhiran yang baik buat MBPJ dan seluruh warga Petaling Jaya bagi tahun ini," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah Anugerah Komuniti Mampan Petaling Jaya 2020 di Bangunan PJ Smart Center di sini pada Selasa.

Katanya, format anugerah pada tahun ini mengambil kira penggunaan elemen 'Internet of Things' (IoT) dan teknologi pintar untuk setiap projek bagi tujuan pengumpulan data dan perancangan pada masa hadapan.

Menurutnya, data-data yang disediakan secara digital itu dapat dikongsi bersama MBPJ bagi membolehkan perancangan dasar atau projek ke arah bandar raya pintar secara lebih efektif.

